

12/08/2003

Komponen BN mesti elakkan perbalahan

NASIHAT Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak bergaduh selepas kerusi diagihkan di kalangan mereka untuk menghadapi pilihan raya, bertujuan mengekalkan semangat muafakatan dan kerjasama sedia terjalin erat selama ini. Walaupun ada 14 parti mendukung BN, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, yakin kesepakatan menghadapi pembangkang membolehkan BN mengelakkan pergaduhan dan perselisihan. Kenyataan Dr Mahathir itu tidak syak lagi merujuk kepada isu pembahagian kerusi membabitkan MCA dan Gerakan, terutama di Pulau Pinang. Namun, dalam menghadapi pilihan raya umum apa yang penting adalah setiap komponen BN menyokong calon ditetapkan tanpa mengira kaum atau parti.

Contoh diberikan Dr Mahathir menunjukkan betapa kerjasama di kalangan pelbagai kaum dan komponen BN amat penting, terutama di kawasan dengan sokongan kepada calon Melayu adalah 50-50. Ini kerana dalam keadaan sedemikian sokongan daripada kaum minoriti menjadi penentu kemenangan kepada pakatan kerajaan. Sebaliknya juga di kawasan majoriti Cina diserahkan kepada MCA, jika sokongan di tempat berkenaan berbelah bagi, kaum Melayu dan India digembleng memberikan sokongan agar BN dapat menjamin kemenangan.

Tidak syak lagi kemenangan yang terhasil daripada kerjasama itu disertai pengorbanan membolehkan BN mengagihkan pula nikmat dan faedah kejayaan untuk dirasakan oleh pelbagai kaum, termasuk daripada parti kecil dalam BN seperti yang mewakili kaum Iban, Kadazan dan Bajau. Keunikan kerjasama dan persefahaman BN yang sudah lama wujud dan teruji itu sebenarnya dicemburui oleh parti lawan yang cuba hendak meniru. Namun, pakatan pembangkang amat berbeza dengan BN kerana di depan mereka berpakat, manakala di belakang mereka bersubahat dan cuba menumbangkan satu sama lain. Sebagaimana dikatakan Dr Mahathir, mereka gagal kerana tidak jujur.

Dengan MCA dan Gerakan bersedia mengikis prasangka dan menjalin hubungan lebih baik selepas masalah dalaman MCA sendiri selesai, hendaknya kekeruhan dalam senario politik di Pulau Pinang khususnya dapat dihapuskan. Ini penting bagi menghadapi pilihan raya akan datang dalam usaha merampas semula kawasan dikuasai DAP dan pembangkang lain. Perebutan dan saling cemburu mencemburui di antara satu sama lain hanya menguntungkan parti lawan yang sebenarnya tidak kuat tetapi mungkin mampu mencapai kemenangan akibat pergaduhan di kalangan komponen BN sendiri. Contoh dan nasihat Dr Mahathir inilah yang harus dijadikan peringatan dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.